

Bil. S 28

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH PIHAK BERKUASA INDUSTRI TEKNOLOGI
INFO-KOMUNIKASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2003**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2003.

Pindaan Jadual Ketiga kepada S 39/01.

2. Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam, 2001 adalah dipinda, dalam Jadual Ketiga, dengan memansuhkan perenggan-perenggan 3 dan 4 dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

"3. Akaun-akaun Pihak Berkuasa hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah diberi kuasa bagi melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggagal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Menteri dengan berunding dengan Juruaudit Agung:

Dengan syarat bahawa jika akaun-akaun Pihak Berkuasa telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah perenggan (b), akaun-akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum satu salinannya dikemukakan kepada Menteri menurut perenggan 13."

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 24 haribulan Mac, 2003 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM